

13/10/2003

Negara aman jika rakyat miskin terbelah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan terus menjadi negara aman selagi mereka yang maju dan berjawatan tinggi tidak melupakan golongan miskin dan kurang bernasib baik.

Perdana Menteri berkata, sifat murni yang masih ada pada golongan terbabit membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik, sekali gus mengelak mereka daripada mencetuskan huru-hara dan menjadikan negara menjadi lebih maju.

"Walaupun negara kita tak begitu miskin, tak dapat tidak kita masih perlu berhadapan dengan dermawan supaya bantuan tambahan dapat diberi.

"Negara ini sebenarnya bertuah. Apabila diadakan kutipan derma, dermawan kita, ahli-ahli korporat kita datang untuk memberi derma.

"Saya yakin ini kerana mereka berjaya dalam perniagaan mereka, mungkin mereka balas budi kerana kejayaan, keuntungan yang diperoleh mereka," katanya ketika berucap merasmikan Bangunan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) Siti Hasmah di sini, malam tadi.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi dan Yang Dipertua Bakti yang juga isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, sifat pemurah dan dermawan itu membolehkan badan amal, termasuk Bakti mendapat peruntukan yang mencukupi bagi menjalankan kerja kebajikan kepada golongan yang memerlukan.

Beliau berkata, jarang sekali kerajaan terpaksa menghulurkan bantuan dan ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.

Pada masa yang sama, katanya, badan amal di negara ini, termasuk Bakti menjalankan tugas dan matlamatnya dengan begitu baik sehingga semua orang memperoleh bantuan.

"Jika tidak dapat (bantuan) daripada Bakti..dapat bantuan daripada badan amal lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, bagaimanapun Bakti, antara badan amal yang pertama di negara ini lebih berjaya mungkin kerana kerja amalnya dihargai bukan saja oleh mereka yang menerima bantuan malah masyarakat umum.

Sehubungan itu, beliau yang juga Penaung Bakti sejak 1981, mewakili kerajaan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Bakti kerana fungsi dimainkan dalam menolong mereka yang perlu bantuan.

Beliau yakin, dengan prestasi yang ditunjukkan Bakti, lebih ramai dermawan akan menyumbang kepada badan itu bagi membolehkan kerja kebajikan diteruskan.

"Saya yakin, pengganti saya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga akan dilantik sebagai penaung Bakti. Saya yakin beliau akan memberi kerjasama, sokongan kepada Bakti supaya kerja amal Bakti dapat diteruskan," katanya.

Beliau berharap dengan bangunan barunya di tapak seluas 8,094 meter persegi, yang dinantikan Bakti sejak 26 tahun lalu, kerja Bakti akan dapat dijalankan dengan lebih tersusun dan sempurna.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah gembira dengan pembangunan bangunan Bakti itu, yang diibaratkan sebagai mimpi yang menjadi kenyataan.

"Kita menantikan saat ini sejak 26 tahun yang lalu. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjadikan impian ini satu kenyataan," katanya sambil menambah ini adalah majlis terakhir beliau sebagai Yang Dipertua Bakti.